

TARIKH : 4 APRIL 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10

BH AHAD 4 April 2021 •

Rencana

13

Belanjawan 2021 sebahagian daripada enam strategi digariskan kerajaan untuk menghadapi pandemik COVID-19 atau 6R iaitu, Ketahanan (Resilient), Pemulihan semula (Restart), Pemulihan (Recovery), Memperkasa (Revitalize) dan terakhir Menyusun Semula (Reform). Pada masa kini, kita berada di strategi kelima untuk memperkasa ekonomi.

Sejak Mac tahun lalu, kerajaan memperkenalkan lima pakej rangsangan ekonomi yang bernilai RM325 bilion untuk membantu rakyat ketika pandemik COVID-19. Terkini adalah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM29 bilion yang diumumkan pada 17 Mac lalu.

Jumlah semua pakej rangsangan ekonomi ini melebihi 20 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), sekali gus antara terbesar di dunia.

Pakej ini tindakan pantas untuk mengurangkan beban rakyat dan memastikan ekonomi negara dapat digerak dengan pantas sambil meletakkan ekonomi Malaysia di atas landasan untuk pemulihan.

Rakyat kini sedang susah. Mereka mahu kerajaan ini menangani masalah dihadapi sekarang. Kebanyakan mereka tidak senang hati dengan politik keterlaluan.

S: Datuk Seri menyebut banyak keputusan dan dasar dibuat kerana

rajan khususnya ketika COVID-19, tetapi rakyat masih tidak nampak, banyak pihak masih berkata tiada hala tuju. Kenapa ini terjadi?

J: Saya yakin majoriti rakyat tidak kira kumpulan B40, M40, perusahaan mikro, peruncit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO - merasai dan menikmati hasil pakej rangsangan ekonomi serta dasar yang dilaksanakan kerajaan.

Banyak bantuan diberikan kerana sejak awal Perdana Menteri menyebut, keutamaan kerajaan adalah untuk membantu rakyat.

Tumpuan kerajaan sekarang pergi beralih kepada pembaharuan struktur jangka panjang untuk memastikan pertumbuhan ekonomi mampu seperti saranan Bank Negara Malaysia dalam Laporan Tahunan 2020.

Bank Dunia dalam Laporan *Aiming High* juga mengenal pasti enam pembaharuan struktur yang perlu ambil untuk membolehkan Malaysia mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi dan maju.

Pembaharuan itu seperti memacu semula trajektori pertumbuhan jangka panjang dengan mengiatkan pelaburan berkualiti tinggi dalam modal insan dan meningkatkan produktiviti.

Kerajaan memandang serius cadangan daripada Bank Dunia dan sedang mengkaji kesesuaian untuk mengambil kira cadangan tersebut dalam pengubahan dasar negara.

S: Ramai yang bercakap pasal hilang kerja. Seolah-olah kerajaan tidak buat apa. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

J: Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu kehilangan kerja akibat pandemik COVID-19. Kerajaan sedar masalah dihadapi rakyat. Program Subsidi Upah (PSU) memberi kesan amat besar untuk mengurangkan jumlah kehilangan pekerjaan.

PSU yang dilaksanakan sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada Mac tahun lalu diteruskan sehingga sekarang. PSU menyela-

matkan kira-kira 2.7 juta orang daripada hilang pekerjaan.

Antara langkah utama diambil kerajaan dalam menangani isu kehilangan kerja adalah dengan menubuhkan Majlis Pendorongan Negara (MPN). Majlis dipengerusikan Perdana Menteri ini menjadi badan tertinggi dalam penetapan dasar, pelaksanaan dan pemantauan strategi serta inisiatif kerajaan bagi mencapai sasaran mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya menangani isu pengangguran.

Majlis ini menyasarkan mewujudkan sebanyak 500,000 pekerjaan menjelang akhir tahun ini.

Menurut laporan Agensi Pelak-

termasuk pelaksanaan bekerja dari rumah, pilihan penghantaran tanpa sentuhan, e-dagang, pembelajaran dalam talian (e-learning), dan penggunaan platform dalam talian secara meluas.

Kita perlu mencari peluang baharu. Pendigitalan akan menjadi salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara kelak.

Melalui rangka tindakan ini, sektor awam akan ditransformasi ke arah menjadi kerajaan digital, menambah baik pembangunan infrastruktur digital, membangunkan tenaga kerja tersedia masa hadapan, membangunkan ekonomi lebih berdaya tahan dan

ting adalah pelaksanaan. Kita tahu, kerajaan tidak sempurna. Masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kecukupan jentera kerajaan.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk menerima pandangan konstruktif daripada pelbagai pihak bagi mempertingkatkan lagi kecukupan penyampaian perkhidmatan.

Sebagai contoh, Jawatankuasa Khas Pelaksanaan Projek Pembangunan yang dipengerusikan bersama saya dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) ditubuhkan bagi mengenal pasti kaedah mempercepat pelaksanaan projek pembangunan kerajaan tahun 2021 dan memastikan pemantauan yang rapi dapat dilaksanakan.

Pembangunan negara bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi melibatkan pelbagai pihak, termasuk sektor swasta. Dalam menyokong dasar pembangunan jangka panjang negara, kerajaan akan menetapkan hala tuju strategik yang jelas bagi meletakkan ekonomi negara di atas landasan lebih kukuh.

Bagaimanapun, pembabitian sektor swasta dan pertubuhan masyarakat awam amat penting memandangkan kerajaan mempunyai kapasiti kewangan terhad disebabkan tanggungan hutang agak tinggi.

Seiring persekitaran pelaburan kompetitif, kerajaan akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam usaha untuk menarik pelabur melalui pelbagai strategi disasarkan seperti menambah baik peraturan supaya lebih mesra perniagaan.

Ini dibuktikan melalui kedudukan Malaysia berada di tempat kedua dalam kalangan negara ASEAN seperti dilaporkan dalam Laporan *Ease of Doing Business 2020*.

Kerajaan juga sedang merangka strategi pelaburan nasional untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang akan meningkatkan kapasiti produktif Malaysia, mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi, mempromosikan pemindahan teknologi dan mengertakan kesalinghubungan domestik.

Sejak Mac tahun lalu, kerajaan memperkenalkan lima pakej rangsangan ekonomi yang bernilai RM325 bilion untuk membantu rakyat ketika pandemik COVID-19

sanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) sehingga 17 Mac lalu, pelaksanaan pelbagai program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan Belanjawan 2021 mewujudkan 114,000 peluang latihan dan pekerjaan setakat Mac 2021, melebihi sasaran sebanyak 100,000.

S: Dalam keadaan semakin ramai terbahit dalam ekonomi digital dan ekonomi gig, bagaimana pula Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia menjadi salah satu daripada hala tuju negara?

J: Rangka tindakan ini antara hala tuju ekonomi negara yang penting merentasi semua sektor. Digital ialah masa depan. Pandemik COVID-19 mempercepat transformasi digital dan penggunaan teknologi dalam kehidupan harian kita.

Seperti di negara lain, kita harus menerapkan norma baharu,

mewujudkan masyarakat digital inklusif.

MyDIGITAL meletakkan hala tuju yang jelas bagi negara dalam merealisasikan sepenuhnya potensi ekonomi digital untuk mencapai pembangunan sosioekonomi inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

Dalam rangka tindakan kita meletakkan sasaran untuk menjadi pemain utama ekonomi digital di rantau ini, malah kita mahu menarik lebih RM70 bilion pelaburan dalam bidang ini dan mewujudkan 300,000 pekerjaan.

Namun, kita sedar masih ada ruang yang perlu diperbaiki bagi memastikan pekerjaan berkualiti disediakan untuk rakyat.

S: Bagaimana dengan keupayaan kerajaan untuk melaksanakan dasar dan program yang telah dan akan diumumkan kelak?

J: Dasar cantik, tetapi yang pen-



projek infrastruktur awam besar seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bernilai RM44 bilion; Lebuhraya Pan Borneo (LJB) Sabah (RM32.5 bilion); Projek Tren Aliran Transit Masa 2 (MRT 2) (RM30.5 bilion); Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) (RM16.6 bilion) dan Pelan Jalan Digital Negara (JENDELA) (RM21 bilion) merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, RM5 bilion diperuntukkan untuk projek kecil memanfaatkan kontraktor kategori G1-G4.

Menurut kajian oleh Bloomberg, Malaysia tersenarai sebagai antara 10 ekonomi membangun dunia yang dijangkakan mampu melepasi jangkauan pemulihan pada 2021.

Biarpun begitu semuanya bergantung kepada pandemik COVID-19. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat (AS) dan negara di Eropah wujud keseimbangan gelombang ketiga pandemik ini.

Beberapa negara di Eropah seperti Poland, Perancis, Itali dan Jerman mulai melaksanakan semula kawalan pergerakan ketat.

Di samping itu, Malaysia ialah sebuah ekonomi terbuka. Perdagangan antarabangsa, pelaburan dan pelancongan adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi.

Secara keseluruhan, sektor pelancongan menyumbang kira-kira 16 peratus kepada KDNK negara. Selagi sempadan masih tertutup, pemulihan bagi beberapa industri, terutama pelancongan adalah mencabar.

Momentum pemulihan ekonomi dijangka berterusan dan ekonomi kembali ke tahap prapandemik 2019 seawal pertengahan 2021. Ini disokong langkah pembendungan COVID-19 berikutan pelaksanaan program vaksinasi mewujudkan sentimen baik

